

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SEU417 - Ekonomi Pemasaran Pertanian

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Jawab **Soalan 1** dan **SATU** (1) lagi daripada soalan-soalan berikutnya. Soalan-soalan memerlukan jawapan komprehensif berbentuk esei teratur yang luas. Setiap soalan membawa markah yang sama.

Soalan 1 (WAJIB kepada semua calon)

Andaikan anda telah diamanahkan oleh Kerajaan Malaysia untuk membentuk sistem pemasaran pertanian petani kecil-kecilan negara yang lebih efisien, dan selepas itu membuat perakuan terperinci kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU). Apakah pendekatan yang boleh anda gunakan sebagai asas untuk mulakan tugas anda? Apa pula sukanan kecekapan sesuatu sistem pemasaran dan model-teori ilmu ekonomi tulen yang harus diambil kira, untuk mengukuhkan hujah anda?

Tuliskan satu eseи mengenai atur kerja yang terlibat, dengan memberikan penekanan kepada ciri-ciri petani, pertanian dan hasil pertanian. Berikan penjelasan kenapa penyesuaian model dan ilmu penting dalam kes ini. Rajah dan contoh adalah wajib.

(100 markah)

Soalan 2

Ilmu ekonomi telah memberi penekanan tentang kos, utiliti, permintaan, penawaran dan model-model pemasaran tulen. Petani kecil-kecilan sering digunakan sebagai contoh firma dalam persaingan tulen. Bincangkan secara mendalam sama ada teori, model dan hukum ilmu ekonomi tulen boleh digunakan secara terus dalam analisis isu-isu berkaitan pemasaran pertanian.

(100 markah)

...2/-

Soalan 3

Pembentukan gred dan piawai amat penting untuk memodenkan sistem pemasaran pertanian di mana-mana negara. Dengan menggunakan definisi-definisi asas dalam bidang pemasaran, sistem gred dan piawai, bentangkan kepentingan sistem gred dan piawai yang kukuh dan praktik bagi sesebuah negara. Adakah sistem gred komoditi utama Malaysia bebas dari spesifikasi teknikal dan piawai negara maju? Bincangkan dengan mendalam, dengan memberi contoh yang tepat.

(100 markah)

Soalan 4

Sektor pertanian adalah penting bagi sesebuah ekonomi di setiap tahap pembangunan negara. Pemasaran pertanian penting untuk meningkatkan pengkhususan kegiatan ekonomi ke arah ekonomi moden. Bincangkan peranan sektor pertanian dalam pembangunan sesebuah ekonomi, dan isu pengekalan sektor itu sebagai pembekal komoditi strategik sesebuah negara. Apakah peranan orang tengah swasta, dan kerajaan dalam mengekalkan pengeluaran pertanian walaupun peratus penduduk yang bertani akan semakin menurun mengikut perkembangan sektor industri/pembuatan? Jawapan anda semestinya menyebut sumbangan pemikiran intelek antarabangsa mengenai isu-isu yang dibincangkan.

(100 markah)

Soalan 5

Isu utama masalah petani kecil-kecilan dimana-mana negara Dunia Ketiga adalah berkaitan dengan ciri-ciri petani yang terlibat. Ini dirumuskan oleh Harold F. Breimyer sebagai "golongan yang tiada pertubuhan melawan dunia yang berorganisasi dan bermaklumat" Kenneth Galbraith pula memberi penekanan tentang kepentingan kuasa pengimbang berbentuk koperasi. Apakah yang dimaksudkan dengan proses tawar menawar atau "bargaining"? Apakah peranan koperasi dan pertubuhan peladang dalam membela nasib petani kecil-kecilan secara berkelompok? Bincangkan isu-isu ini dengan memberi takrifan dan prinsip koperasi Rochdale. Bincangkan juga proses penubuhan sesebuah koperasi pertanian, dan prinsip-prinsip sosio-ekonomi yang perlu diambil kira dalam pembentukan sesebuah koperasi, supaya usaha itu berhasil.

(100 markah)